

18 JUN 2003

Umno-Wanita (Calon)

ANGGOTA WANITA UMNO MESTI TERIMA SIAPA SAHAJA YANG DIPILIH JADI CALON

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Anggota Pergerakan Wanita Umno mestilah menerima sesiapa sahaja yang telah dipilih pucuk pimpinan parti sebagai calon pilihan raya dan menyokong calon berkenaan sehingga menang, kata Ketuanya Datuk Seri Rafidah Aziz.

Beliau berkata anggota pergerakan itu juga hendaklah terus memberikan sokongan ikhlas kepada pucuk pimpinan parti dan bekerja keras untuk memenangkannya.

"Contohnya kalau ada calon telah dinamakan pucuk pimpinan parti untuk bertanding di mana-mana kawasan, Wanita Umno tidaklah boleh menyoal mengapa calon ini, tidak calon lain.

"Kita terima calon itu kerana ia melambangkan calon parti dan kita memenangkan parti," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan dasar pada perhimpunan tahunan pergerakan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Rafidah berkata sekiranya anggota Wanita Umno berasa terkilan dan kecewa, mereka hendaklah menyimpannya di dalam hati dan sebaliknya memenangkan calon yang dipilih.

"Kita simpan rasa terkilan itu dan tidak dijadikan punca untuk memburukkan calon dan mengadakan rombongan untuk menolak calon yang dipilih mereka (pucuk pimpinan).

"Inilah tradisi yang hendak kita teruskan kepada Wanita Umno, cuma saya berpesan lagi kerana kadang-kadang kita lupa, jadi terpaksa pesan jangan jadi punca masalah parti, kita hendak berpilihan raya," katanya mengulas pesanan yang diberikan di akhir ucapannya itu.

Terdahulu, Rafidah berkata anggota pergerakan itu juga mestilah memberi sokongan ikhlas yang berterusan kepada pemimpin dan membuat teguran serta kritikan yang membina demi kepentingan parti.

"Itulah yang kita hendak beritahu pucuk pimpinan bahawa kita beri sokongan seikhlas sehabis mungkin dan janganlah ada yang eek ook, eek ook, saya sendiri tidak terkilan kalaulah dalam pencalonan esok, yang kita hendakkan wanita diberi kerusi, tak dapat.

"Terkilan saya, saya akan simpan dalam hati. Tidak akan saya lafazkan, tidak akan saya lafazkan melolong-lolong, melobi-lobi. Saya nak pesan sambutlah apa yang dikatakan Datuk Seri Presiden (Dr Mahathir Mohamad) semalam jangan ada di kalangan Wanita saya yang bila sudah ada calon yang dinamakan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Wanita pula buat rombongan ke Seri Perdana hendak meminta jangan ambil calon ini, calon itu," katanya.

Rafidah berkata tindakan mengadakan rombongan menemui pucuk pimpinan untuk bertanya, merungut dan mempersoalkan pemilihan calon bukanlah "tradisi" pergerakan itu.

Katanya walaupun anggota pergerakan itu mempunyai calon tertentu yang menjadi idola serta pujaan sebagai pemimpin, mereka mestilah sedar bahawa idola utama ialah Umno dan bukannya individu tertentu.

Beliau menasihatkan supaya Wanita Umno tidak menjadikan soal calon menjadi masalah kepada parti mendapat undi dan sokongan rakyat.

"Wanita boleh mententeramkan keadaan, kalau lelaki meronta-ronta biarlah, kita nasihat tak nak dengar lantak dialah, tapi jangan kita menjadi punca masalah, boleh berjanji begitu?" soalnya, yang disambut dengan jeritan "boleh" oleh kira-kira 660 perwakilan yang hadir.

Beliau berkata mereka yang berasa kecewa dan terkilan hendaklah bermuhasabah diri dan menganggap ia bukannya rezeki mereka serta kembali

merapatkan balik barisan.
-- BERNAMA
HS KHY ROS